



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

9 Apr 2021
26 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Matematik bantu penangkapan ikan pelagik kecil?• Bantu tingkat hasil tangkapan
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Bincang haram jualan bubu naga• Penjualan bubu naga bakal diharamkan- Jabatan Perikanan (online)
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Pulihara alam
Kosmo !	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Bot nelayan Vietnam jadi kajian UMT
The Star	
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">• CAP urges Fisheries Department to investigate "ikan rakyat" problem in the market (online)
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Matematik bantu penangkapan ikan pelagik kecil?

Oleh KATHIRESAN GOPAL
gaya@utusan.com.my

RAKYAT Malaysia secara lazimnya mempunyai selera makan tinggi terhadap makanan laut, terutama ikan yang ditangkap di perairan negara.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), meriedahkan Malaysia antara 10 negara pemakan ikan terbesar di dunia, dengan kadar pemakanan purata hampir 50 kilogram (kg) seorang dalam setahun.

Di samping itu, sektor ini turut memainkan peranan sebagai penyumbang sumber protein termurah, dengan pembekalan lebih daripada enam peratus sumber protein.

Justeru, tidak dinafikan sektor perikanan di negara ini memiliki perkembangan dinamik dan kompetitif. Malah ia turut berpotensi untuk dimajukan terutama dalam menyumbang kepada



PENDAPATAN nelayan ditentukan oleh jumlah hasil tangkapan serta keadaan naik turun harga pasaran. - UTUSAN/GAMBAR HIASAN.

pendapatan eksport negara.

Meskipun sektor berkenaan nampak memberangsangkan, namun tunjang kepada sektor ini iaitu nelayan terutama golongan nelayan pesisir pantai biasanya dikaitkan sebagai

komuniti masyarakat yang menghadapi kesempitan hidup disebabkan ketidakpastian pendapatan.

Hal ini adalah kerana pendapatan nelayan ditentukan oleh jumlah hasil tangkapan serta

keadaan naik turun harga pasaran.

Walaupun pelbagai bantuan dan insentif kerajaan disalurkan kepada nelayan, namun kebanyakan mereka masih lagi sukar untuk keluar daripada masalah kesempitan hidup.

JEJAK LOKASI

Kawasan penangkapan ikan di lautan biru yang luas bersifat dinamik, menyukarkan nelayan mengenal pasti lokasi dan masa bagi penangkapan ikan paling produktif.

Kesan ketara daripada dua cabaran ini adalah kenaikan kos sebaran nelayan dari segi penggunaan bahan bakar dan pembayaran upah awak-awak (pekerja di atas vesel nelayan) serta peningkatan dalam masa yang diperlukan untuk mendapatkan hasil tangkapan yang mencukupi.

Sehubungan itu, teknologi pengesanan pergerakan ikan seperti Pergerakan dan

Penjlatan Bunyi (SONAR) dapat membantu mengesan ikan berdasarkan maklumat saiz, lokasi, kelimpahan dan sifat ikan tetapi ia mungkin tidak mampu dimiliki oleh semua dan juga terbukti mempunyai kesan pada kehidupan laut.

Peralatan alternatif kepada peralatan yang berasaskan peranti perikanan seperti SONAR ini amat digalakkan dalam kegiatan perikanan laut.

KLOROFIL

Dalam proses pencarian peralatan alternatif, peranan klorofil dalam penangkapan ikan telah dikaji. Klorofil merupakan pigmen hijau pada organisme yang mampu melakukan proses fotosintesis (organisme fotosintetik) seperti tumbuhan hijau dan alga. Di dalam air, ia biasanya dihasilkan oleh plankton fotosintetik, yang lebih dikenali sebagai fitoplankton.

Kepekatan pigmen fotosintesis utama iaitu



ALAT SONAR diturunkan ke laut.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY	27	09/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		

klorofil a adalah petunjuk biojisim dan kelimpahan fitoplankton.

Fitoplankton membentuk asas rantai makanan kebanyakan ikan kecil dan ikan paus.

Sebilangan besar ikan pelagik terutamanya ikan pelagik kecil seperti ikan tenggiri, tuna, sardin, ikan bilis dan selar adalah pemakan fitoplankton.

Menariknya, salah satu spesies ikan dominan yang ditangkap dalam penangkapan perikanan laut di Malaysia adalah ikan pelagik kecil.

Peralatan tropika negara kita menjadi salah satu habitat umum kumpulan ikan ini kerana spesies ini lebih selesa berada di lautan yang lebih panas.

Jenis ikan pelagik kecil yang biasa ditangkap di Malaysia termasuk ikan kembong (*Sardin mackerele*), pelaling (*short mackerel*), tamban sisek (*Fringe-scale sardine*), tenggiri batan (*Spanish mackerel*), tamban beluru (*smoothbelly sardine*), tongkol hitam (*frigate tuna*) dan tengkol selasih (*frigate tuna*).

Oleh itu, berdasarkan hubungan asas antara kepekatan klorofil a, fitoplankton dan rantai makanan ikan pelagik kecil, dapat disimpulkan bahawa kawasan peraliran dengan kadar kepekatan klorofil a tinggi menunjukkan tempat penangkapan ikan pelagik kecil lebih baik.

Sebagai penunjuk tidak langsung kepada kawasan perangkapan ikan, kepekatan klorofil a dapat membantu mengesahkan julat pilihan carian kawasan, mengasingkan kawasan pencarian atau masa yang dapat membahagikan hasil dan akhirnya, mampu mengurangkan masa yang dibesir di sesebuah kawasan lautan produktif.

Rasional dan logik di sebalik idea ini adalah kita dapat menjangka lebih banyak ikan berada di kawasan dengan jumlah fitoplankton (makanan) yang lebih tinggi berbanding dengan kawasan dengan jumlah fitoplankton lebih rendah.

Kepekatan klorofil a berubah-ubah (naik turun) secara semula jadi mengikut masa, menunjukkan pola variasi masa yang dapat digunakan dalam model matematik untuk meramalkan kepekatan pada masa hadapan.

Data kepekatan yang



PENGESAHAN ikan menggunakan SONAR - UTUSAN GAMBAR HIASAN

diukur mengikut masa boleh diperolehi oleh pengguna umum tanpa sebarang kos dari pengukuran satelit global projek Spektroskopiometer Pengimejan Resolusi Sederhana (MODIS)- Aqua, di bawah agensi Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Nasional (NASA) memuat perhatian Bumi NASA (NEO).

Data kepekatan global yang berbentuk siri masa ini dapat diiktiraf untuk peraliran negara kita berdasarkan koordinat Sistem Peneutru Kedudukan Global (GPS) yang merangkumi Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (EEZ).

Jenis ikan pelagik kecil yang biasa ditangkap di Malaysia termasuk ikan kembong, pelaling, tamban sisek, tenggiri batan, tamban beluru, tongkol hitam dan tongkol selasih.



FITOPLANKTON

Bantu tingkat hasil tangkapan

PERANAN matematik dalam penangkapan ikan pelagik kecil dapat dilibat apabila model siri masa bermatematik diaplikasikan bagi meramal kepekatan klorofil a lebih awal berdasarkan data sejarah kepekatan.

Dapatan ramalan kepekatan daripada model ini berpotensi untuk dijadikan peralatan alternatif untuk membantu nelayan, terutamanya kepada nelayan yang beroperasi dengan alat penangkapan ikan pelagik kecil bagi pengurusan kos dan masa penangkapan ikan yang cekap.

Alat matematik ini mungkin berupaya meningkatkan keuntungan nelayan dan menjadikan kehidupan kurang tertekan semasa berada di laut dengan mengoptimalkan kos dan masa penangkapan ikan berbanding operasi penangkapan secara manual.

Kepekatan klorofil a yang diramalkan menyampaikan maklumat bagi mengatasi dua cabaran nelayan (di mana dan bila), iaitu sama ada memilih lokasi penangkapan ikan dengan kepekatan tertinggi bagi jangka waktu yang spesifik atau memilih jangka waktu dengan kepekatan tertinggi bagi lokasi penangkapan ikan yang spesifik.

Secara keseluruhannya, model matematik sebagai peralatan alternatif yang lebih murah berbanding peralatan perikanan berdasarkan perasi yang mahal dapat mensejahtera penangkapan

ikan pelagik kecil dengan menggunakan data satelit tanpa sebarang kos.

Batasan alat matematik ini adalah ramalan kepekatan yang dihasilkan ini tidak akan menjamin sebarang penangkapan ikan sama sekali.

Walaupun begitu, yang pastinya ia dapat membantu mengesahkan perikanan kawasan penangkapan ikan yang produktif.

Penggunaan peralatan alternatif ini adalah selaras dengan sasaran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), iaitu nelayan diminta keluar daripada kerangka lama supaya selari dengan arus kemajuan teknologi kini.

Kombinasi peralatan matematik dan teknologi moden mampu milik dapat memberi sinar baharu bagi meningkatkan taraf hidup golongan nelayan.

Perubahan dalam berangka perikanan ini turut dapat menarik tenaga kerja bera, yang amat diperlukan bagi memantapkan dan mencapai aspirasi kerajaan mengenai sektor perikanan.

Kepuasan matematik bagi menyelesaikan masalah dunia nyata dapat diterapkan dengan jayanya untuk memastikan matlamat kerajaan mentransformasi sektor perikanan berjaya digapai.

Penulis ialah Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia (UPM).



PLANKTON

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	8	TARIKH	09/04/2021
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL					

Bincang haram jualan bubu naga

Tiada penyeragaman peraturan punca mudah dibeli di pasaran

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perikanan sedang berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mengharamkan penjualan bubu naga bagi tujuan penangkapan ikan di perairan awam selepas pengharaman penggunaannya sejak dua tahun lalu terus diingkar.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly berkata sehingga kini tiada penyeragaman peraturan apabila penjualan dan pembelian bubu naga tidak tertakluk di bawah kesalahan sebaliknya hanya penggunaannya sahaja diharamkan mengikut Akta Perikanan 1965.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan pihaknya sukar mengekang penggunaan bubu naga kerana penjualan bahan itu masih berleluasa termasuk di portal beli-belah.

Katanya, melalui perbincangan awal dengan KPDNHEP, Jabatan Perikanan akan cuba mencari penyelesaian bagi membolehkan penjualan bubu naga hanya dibenarkan untuk tujuan penternakan akuakultur.

"Apa yang kita risaukan ialah ia agak sukar dikekang kerana bubu naga ini mudah diperolehi di kedai biasa dan pembelian dalam talian.

"Walaupun aspek penguatkuasaan ditingkatkan, penggunaannya masih berlaku kerana bahan ini boleh diperolehi dengan mudah.

"Justeru, kita sudah mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP untuk kita temui satu justifikasi teknikal bagi membolehkan penjualan bubu naga juga diklasifikasikan sebagai satu kesalahan.

"Kita faham penggunaan bubu naga dalam aktiviti menangkap udang sangat berkesan, maka kita harus menemukan penyelesaian terbaik bagi memastikan ia



Keratan akhbar BH kelmarin.

tidak disalah guna," katanya kepada BH.

Berdasarkan maklumat diperolehi BH, bubu naga mudah diperolehi di pasaran gelap.

Kebiasaannya di kedai, set bubu naga boleh diperolehi pada harga kira-kira RM50 yang dijual secara siap bagi memudahkan nelayan untuk terus menggunakannya.

Bagi nelayan di utara, kebanyakan mereka membeli set bubu naga di negara jiran.

Bubu naga juga dijual di beberapa portal beli-belah dengan harga serendah RM19.50 hingga RM160 mengikut saiz.

Kelmarin, BH melaporkan penggunaan bubu naga yang diharamkan dua tahun lalu dikesan masih berleluasa di perairan negara khususnya di Kedah, Per-

lis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Difahamkan, ribuan nelayan pesiar pantai masih lagi bergantung kepada bubu naga kerana ia tidak perlu melalui proses yang rumit untuk memasang pukat atau menunggu.

Jabatan Perikanan merampas 2,059 bubu naga bernilai RM182,340 pada 2019 dan 2,346 rampasan (RM211,140) tahun lalu, manakala Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 3,997 set bubu naga dengan nilai rampasan dianggarkan RM427,330 sejak 2018 hingga Januari lalu.

Pada masa sama, Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya mengakui spesies hidupan laut bernilai tinggi seperti jenahak dan siakap berisiko pupus jika penggunaan bubu naga dalam kalangan nelayan tidak ditangani dengan baik.

Selain itu, katanya penggunaan bubu naga secara berterusan dikesan mengancam pendapatan nelayan zon A yang berisiko merosot hingga 50 peratus kerana pengurangan hasil tangkapan.

Beliau berkata, penggunaan bubu naga banyak dikesan di pantai barat pada kedudukan antara kosong hingga satu batu

mandi. Lokasi terletaknya kawasan konservasi perikanan khususnya di perairan Kedah, Perak dan Selangor.

Katanya, di kawasan itulah banyak hidupan laut bernilai tinggi seperti udang jenahak, siakap yang jika tidak dikawal tangkapannya oleh penggunaan bubu naga boleh pupus.

"Kawasan konservasi ikan adalah pusat pembiakan pelbagai hidupan laut namun jika induk spesies ini ditangkap secara tidak sah, selain anak ikan, kepupusan boleh berlaku.

"Apabila ini berlaku, nelayan zon A juga akan menerima kesan buruk apabila pendapatan mereka boleh terjejas sehingga lebih 50 peratus ekoran kehilangan hasil tangkapan," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya percaya kegiatan bubu naga banyak didalangi nelayan tidak berlesen kerana mahu mencari pendapatan dengan jalan mudah.

Beliau berkata, kebanyakan nelayan berlesen tidak berani untuk menggunakan bubu naga kerana jika ditangkap mereka boleh berdepan tindakan dibatalkan lesen.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Penjualan bubu naga bakal diharamkan - Jabatan Perikanan

[Suzalina Halid](#) - April 8, 2021 @ 5:24pm
suzalina@bh.com.my



Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan sedang berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mengharamkan penjualan bubu naga bagi tujuan penangkapan ikan di perairan awam selepas pengharaman penggunaannya sejak dua tahun lalu terus diingkari.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, berkata sehingga kini tiada penyeragaman peraturan apabila penjualan dan pembelian bubu naga tidak tertakluk di bawah kesalahan sebaliknya hanya penggunaannya sahaja diharamkan mengikut Akta Perikanan 1985.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan pihaknya sukar mengekang penggunaan bubu naga kerana penjualan bahan itu masih berleluasa termasuk di portal beli-belah.

Katanya, melalui perbincangan awal dengan KPDNHEP, Jabatan Perikanan akan cuba mencari penyelesaian bagi membolehkan penjualan bubu naga hanya dibenarkan untuk tujuan penternakan akuakultur.

"Apa yang kita risaukan ialah ia agak sukar dikekang kerana bubu naga ini mudah diperolehi di kedai biasa dan pembelian dalam talian.

"Walaupun aspek penguatkuasaan ditingkatkan, penggunaannya masih berlaku kerana bahan itu boleh diperolehi dengan mudah.

"Justeru kita sudah mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP untuk kita temui satu justifikasi teknikal bagi membolehkan penjualan bubu naga juga diklasifikasikan sebagai satu kesalahan.

"Kita faham penggunaan bubu naga dalam aktiviti menangkap udang sangat berkesan, maka kita harus menemukan penyelesaian terbaik bagi memastikan ia tidak disalah guna," katanya kepada BH.



Bubu naga yang dirampas pihak berkuasa

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE	09/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Semalam, BH melaporkan penggunaan bubu naga yang diharamkan dua tahun lalu dikesan masih berleluasa di perairan negara khususnya di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Difahamkan, ribuan nelayan pesisir pantai masih lagi bergantung kepada bubu naga kerana ia tidak perlu melalui proses yang rumit untuk memasang pukat atau menunggu.

Jabatan Perikanan merampas 3,039 bubu naga bernilai RM182,340 pada 2019 dan 2,346 rampasan (RM211,140) tahun lalu, manakala Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 3,997 set bubu naga dengan nilai rampasan dianggarkan RM427,380 sejak 2018 hingga Januari lalu.

Pada masa sama, Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya mengakui spesis hidupan laut bernilai tinggi seperti jenahak dan siakap berisiko pupus jika penggunaan bubu naga dalam kalangan nelayan tidak ditangani dengan baik.

Selain itu, katanya penggunaan bubu naga secara berterusan dikesan mengancam pendapatan nelayan zon A yang berisiko merosot hingga 50 peratus kerana pengurangan hasil tangkapan.

Beliau berkata, penggunaan bubu naga banyak dikesan di pantai barat pada kedudukan antara kosong hingga satu batu nautika iaitu lokasi terletaknya kawasan konservasi perikanan khususnya di perairan Kedah, Perak dan Selangor.

Katanya, di kawasan itulah banyak hidupan laut bernilai tinggi seperti udang, jenahak, siakap yang jika tidak dikawal tangkapannya oleh penggunaan bubu naga boleh pupus.

"Kawasan konservasi ikan adalah pusat pembiakan pelbagai hidupan laut namun jika induk spesis ini ditangkap secara tidak sah selain anak ikan itu sendiri, kepupusan boleh berlaku.

"Apabila ini berlaku, nelayan zon A juga akan menerima kesan buruknya apabila pendapatan mereka boleh terjejas sehingga lebih 50 peratus ekoran kehilangan hasil tangkapan," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE	09/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya percaya kegiatan bubu naga banyak didalangi nelayan tidak berlesen kerana mahu mencari punca pendapatan dengan jalan mudah.

Beliau berkata, kebanyakan nelayan berlesen tidak berani untuk menggunakan bubu naga kerana jika ditangkap mereka boleh berdepan tindakan dibatalkan lesen.

"Selain itu mereka juga boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 11(3)(C) Akta Perikanan 1985 yang boleh dikenakan kompaun sebanyak RM500 dan peralatan dirampas.

"Kita percaya kebanyakan yang menggunakan bubu naga adalah nelayan tidak berlesen yang terpaksa ke laut kerana kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19.

"Ini terbukti apabila kita menerima banyak permohonan untuk mendapatkan lesen penangkapan ikan iaitu hampir 300 dalam tempoh empat bulan pertama ini," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			5	09/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	

Bot nelayan Vietnam jadi kajian UMT

Maritim sumbangkan dua bot dilucut hak untuk dijadikan tukun tiruan

Oleh NORHASPIDA YATIM

SETIU

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menyumbangkan dua bot nelayan Vietnam untuk dijadikan tukun tiruan bagi proses pendidikan dan penyelidikan sains marin pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dua bot berkenaan dilupuskan sebagai tukun tiruan pada kedalaman 13 hingga 15 meter dari permukaan laut dan jarak antara 500 hingga 600 meter dari Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT di Pulau Bidong.

Pengarah Bahagian Keselamatan dan Pengawasan Maritim, Laksamana Muda (M) Datuk Saiful Lizan Ibrahim berkata, bot berkenaan adalah bot nelayan asing Vietnam yang ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah sepanjang 2020 atas kesalahan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Beliau berkata, penyerahan bot bagi tujuan penyelidikan itu pertama kali dilaksanakan serta merupakan simbolik hubungan strategik dua hala antara Maritim Malaysia Terengganu dan UMT.

"Langkah ini merupakan inisi-



Sebuah bot nelayan Vietnam yang dilucut hak sedang ditenggelamkan sebagai tukun tiruan di perairan Pulau Bidong, Terengganu bagi proses penyelidikan dan pendidikan sains marin oleh pelajar UMT.

atif bagi memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta menjadi komitmen Maritim Malaysia dalam mengekang pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

"La juga sebagai isyarat tegas kerajaan dalam memelihara kedaulatan perairan negara dan memastikan sumber perikanan terus terpelihara," katanya pada sidang akhbar selepas program melabuhkan tukun vessel lucut hak sumbangan Maritim Malaysia Terengganu bagi aktiviti penyelidikan UMT di perairan Pulau Bidong pada Khamis.

Dalam pada itu, Saiful Lizan berkata, proses pelupusan itu adalah kali kesembilan dilakukan tahun ini dan dijangka 38 buah bot lagi akan ditenggelamkan sepanjang tahun ini setelah mendapat perlucutan hak mahkamah.

Beliau berkata, proses pelupusan bot tersebut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Persatuan Nelayan

Kuala Terengganu Utara dan Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

"Sehingga kini sebanyak 104 bot dengan anggaran nilai RM156 juta telah ditenggelamkan untuk dijadikan tukun di sepanjang perairan Terengganu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, Profesor Ts. Dr Mohd Zamri Ibrahim berkata, pelabuhan tukun vessel di perairan Pulau Bidong bagi membolehkan pelajar dan penyelidik UMT menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan sumber perikanan serta aspek sains marin.

Beliau berkata, UMT turut berbincang bersama Jabatan Warisan Negara dimana ia merupakan entiti penting di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) untuk menjadikan kawasan tukun itu sebagai lokasi latihan bagi kajian arkeologi.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	/	THE MALAY MAIL		PELBAGAI	09/04/2021	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

CAP urges Fisheries Department to investigate 'ikan rakyat' problem in the market

By [Audrey Dermawan](#) - April 7, 2021 @ 10:22pm



The Consumers' Association of Penang (CAP) has urged the authorities, including the Fisheries Department, to probe the rise in prices of ikan kembung (Indian mackerel) from RM18 to RM22 per kilogramme. - NSTP file pic

GEORGE TOWN: The Consumers' Association of Penang (CAP) has urged the authorities, including the Fisheries Department, to probe the rise in prices of ikan kembung (Indian mackerel) from RM18 to RM22 per kilogramme.

The spike in prices is said to be caused by both a shortage in the fish and the role middlemen are playing.

CAP president Mohideen Abdul Kader said if there was any truth to these claims, it could affect the country's food supply and burden consumers.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	/	THE MALAY MAIL		PELBAGAI	09/04/2021	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

"The relevant authorities must give due attention and investigate this matter as well as initiate immediate mitigation measures of which the outcomes should be made public," he said

The Malaysian Competition Commission (MyCC) was reported to have stated that Malaysia was forced to import Indian mackerel from China, Yemen and Pakistan as well as frozen Indian mackerel from Middle Eastern countries and Singapore to fulfil the country's local needs due to a shortage issue.

Mohideen also called on the Fisheries Department to take action against fishermen who catch Indian mackerel fry and sell them to those managing aquaculture projects as feed for the fish they were rearing.

"This practice has been going on for a long time and could be one of the contributing factors for the low supply and increase in market price.

"CAP urges the Fisheries Department and the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) to strictly enforce the Fisheries Act 1985 to ensure the conservation of the country's fishery resources for the future," he added.